

200 tetamu hadir majlis berbuka puasa UMS-KAL

UB 24/08/2011 B4

KIRA-KIRA 200 tetamu telah menghadiri majlis berbuka puasa warga Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bersama Naib Canselor UMS di Hotel Grand Dorsett, Isnin lalu.

Tetamu kehormat pada majlis itu ialah Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon dan isteri, Prof Datin Seri Panglima Dr Ann Anton.

Turut hadir Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj.

Pada majlis itu, seramai 10 kakitangan UMS-KAL menerima duit raya daripada Dr Kamaruzaman.

Dr Kamaruzaman juga menyampaikan cenderamata kepada tetamu daripada Jabatan Penerangan, Jabatan Agama Islam, Jabatan Imigresen dan Jabatan Bomba yang turut menghadiri majlis berbuka itu.

Hadir sama pegawai



BUKA PUASA...Sebahagian pensyarah dan pegawai UMS-KAL yang menghadiri majlis berbuka puasa di Hotel Grand Dorsett.

utama UMS, pegawai kanan, pensyarah dan kakitangan sokongan UMS-KAL.

Dalam ucapannya, Dr Kamaruzaman mahu semua warga UMS bekerja dalam satu pasukan untuk memastikan UMS terus menempah kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Katanya, kerjasama semua pegawai utama, pegawai kanan, pensyarah dan kakitangan sokongan sangat diperlukan agar lebih

ramai generasi muda mampu dilahirkan oleh universiti itu.

Beliau juga meminta warga UMS melaksanakan langkah penjimatan utiliti supaya lebih banyak projek pembangunan untuk pelajar dan kakitangan dapat dilaksanakan sama ada di Kampus Induk di Kota Kinabalu mahupun di Kampus Labuan.

“Semua warga UMS mesti bergerak dari sekarang bagi memastikan kejayaan yang lebih cemerlang

mampu dicapai dalam pelbagai bidang sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa,” katanya.

Sementara itu, Dr Shariff berkata beberapa projek pembangunan sedang dan akan dilaksanakan di UMS Labuan termasuk dewan kuliah pusat, perpustakaan, asrama penginapan dan kemudahan teknologi maklumat.

Katanya, pelaksanaan projek itu membuktikan UMS-KAL tidak pernah dipinggirkan oleh pihak pengurusan UMS yang diketuai oleh Naib Canselor dan Pendaftar UMS.

“Sebagai sebuah kampus bertaraf antarabangsa, UMS-KAL harus memiliki prasarana yang setanding dengan statusnya untuk kemudahan pelajar dan kakitangan,” katanya.

Pada majlis itu, Dr Shariff turut mengucapkan terima kasih kepada pengurusan UMS kerana melanjutkan tempoh jawatannya selama dua tahun bermula 1 September 2011 hingga 31 Ogos 2013.